



TEKS UCAPAN

**PERJUMPAAN YB MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR
BERSAMA AHLI PIHK BERKUASA & AHLI LEMBAGA PENGARAH
SYARIKAT RISDA**

**YB. DATUK DR. ABD. LATIFF AHMAD
MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR**

**AUDITORIUM SULTAN AHMAD SHAH, IBU PEJABAT RISDA
22 JUN 2020 (ISNIN)
11.00 PAGI**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam
Sejahtera dan Salam Kasih Sayang**

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi pujian dan kesyukuran ke Hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia, rahmat dan hidayahNya kita semua dapat berkumpul di Auditorium Sultan Ahmad Shah, Ibu Pejabat RISDA ini bagi sama-sama menjayakan perjumpaan ini dalam suasana

Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) COVID-19. Saya berharap kita semua sentiasa mengamalkan S.O.P yang telah dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara dan Kementerian Kesihatan Malaysia agar kita sama-sama menang melawan COVID-19 ini. InsyaAllah

2. Pertama sekali, kehadiran saya pada hari ini adalah satu sesi untuk beramah mesra dengan Ahli Pihak Berkuasa RISDA (APB) dan Ahli Lembaga Pengarah Syarikat (ALP) dalam usaha

untuk kita sama - sama mempertingkatkan lagi kualiti pengurusan di RISDA. Seiring dengan hasrat Kementerian untuk membangunkan komuniti masyarakat luar bandar, sesi ini juga bertujuan mengenalpasti cabaran dan langkah-langkah susulan penambahbaikan bagi memastikan hala tuju RISDA dan Syarikat pada tahun 2020 lebih realistik dan mampu dicapai.

3. Saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Pengurusan RISDA atas taklimat pembangunan yang telah disampaikan kepada saya pada perjumpaan yang pertama yang lalu. Saya lihat telah banyak perubahan yang dibawa oleh RISDA kepada masyarakat luar bandar khususnya pekebun kecil yang mana pada masa ini jauh berbeza berbanding dengan tahun – tahun sebelumnya. Syabas dan tahniah saya rakamkan kepada RISDA atas pelbagai usaha pembangunan dalam memajukan sektor perladangan dan pekebun kecil.

YBhg. Datuk-Datuk / Tuan- Puan sekalian,

4. Scenario utama yang berlegar di media massa ketika ini adalah kejatuhan harga getah yang rata-ratanya mengatakan tidak memberi pulangan yang baik kepada pekebun kecil. Ditambah pula dengan penularan wabak Covid 19 pendapatan pekebun kecil dan penoreh semakin menyusut. Kita semua sedar, isu harga komoditi adalah isu di luar kawalan dan inilah cabaran utama untuk kita mencipta kaedah – kaedah untuk memacu ekonomi

supaya dapat diaplikasikan kepada pekebun dan penoreh dengan berkesan.

5. Sepertimana sedia maklum, Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe 11: 2016 - 2020) merupakan rangka Rancangan Malaysia yang terakhir pada tahun ini. Bagi mencapai matlamat ini, Program Transformasi Kerajaan (GTP) telah dilaksanakan melalui komponen yang berpaksikan kepada Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dan Bidang Keberhasilan

Utama Kementerian (MKRA). Selaras dengan itu, melalui GTP Fasa 3.0 (2015 - 2020) bersama-sama 12 Bidang Keberhasilan Utama Ekonomi (NKEA), saya difahamkan RISDA terus diberi kepercayaan untuk membangunkan masyarakat pekebun kecil luar bandar dari segi kedudukan sosio-ekonomi melalui aktiviti ekonomi yang boleh menjana pendapatan tambahan keluarga.

6. Saya menyambut baik usaha RISDA dalam menyokong pendapatan pekebun kecil melalui Hasil Baharu Pekebun Kecil

yang memberi fokus kepada pekebun kecil terlibat dalam industri agromakanan. Saya difahamkan, RISDA pada tahun ini diperuntukkan sebanyak **RM 10 juta** untuk memajukan pekebun kecil dalam industri tersebut melalui sektor ternakan, tanaman jangka pendek dan jangka panjang.

7. Melalui kategori ternakan ianya meliputi aktiviti pertanian seperti ternakan secara Fidlot, ternakan secara integrasi,

akuakultur dan lain-lain kategori ternakan yang bersesuaian dengan kelulusan RISDA

8. Manakala tanaman jangka pendek seperti kontan atau *cash crop* yang mempunyai jangka hayat kurang dari setahun dan tanaman jangka panjang seperti buah – buahan boleh dilaksanakan oleh pekebun kecil dengan menerima skop bantuan seperti infrastruktur, peralatan dan input pertanian.

YBhg. Datuk-Datuk / Tuan- Puan sekalian,

9. Scenario kedua yang berlaku dikalangan pekebun kecil kini adalah berkenaan tuntutan Insentif Produktiviti Getah (IPG). Dapat kita perhatikan pekebun kecil mengalami masalah untuk membuat tuntutan IPG ini. Media melaporkan ketika ini hanya kira-kira 20 peratus pekebun getah di seluruh negara membuat tuntutan IPG membabitkan jumlah kira-kira RM40 juta. Kerajaan telah

memperuntukkan RM100 juta bagi tujuan pembayaran, jadi terdapat kira-kira RM60 juta lagi boleh dituntut oleh pekebun kecil.

10. Isu yang dapat dilihat disini adalah isu mekanisme permohonan. Saya berharap agar Lembaga Getah Malaysia dan RISDA dapat memperhalusi mekanisme ini agar permohonan IPG pekebun kecil dapat dipermudahkan.

11. Besarlah harapan saya agar usaha - usaha ini dapat dilaksanakan dengan berkesan agar nasib pekebun dan penoreh dapat dipelihara dengan sebaiknya. Dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu ketika ini, kita harus lebih prihatin dan berusaha dengan lebih gigih bagi memastikan segala usaha pembangunan dapat dilaksanakan mengikut jadual yang telah ditetapkan.

12. Saya percaya APB dan ALP RISDA sentiasa memainkan peranan sebagai penasihat kepada pengurusan RISDA dalam memastikan program pembangunan yang dijalankan berjaya memberi pulangan yang cemerlang kepada pekebun kecil.
13. Selain itu, dengan penyelarasan organisasi yang baik, diharapkan agar program – program yang dilaksanakan dirasai oleh seluruh masyarakat yang berada di luar Bandar sama ada dalam bentuk peluang pekerjaan ataupun peluang perniagaan. Di

sinilah peranan syarikat untuk membantu RISDA dan Kementerian untuk memastikan hasrat pembangunan Negara lebih mudah untuk dilaksanakan.

14. Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Pengurusan, Ahli Lembaga Pengarah dan Ahli Lembaga Syarikat RISDA dalam menjayakan perjumpaan kita pada hari ini. Mudah-mudahan apa yang kita laksanakan ini akan sentiasa dipermudahkan dan mendapat keredhaan Allah S.W.T.

Sekian,

Wabillahi Taufik Walhidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Terima Kasih.